

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pengarah
Gred Jawatan	:	JUSA C
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Professional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Ekonomi
Jadual Gaji	:	RM7,189 – RM14,587
Taraf Jawatan	:	Kontrak (<i>Contract of Service</i>)
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) kelayakan : i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau v. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau vii. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Kelayakan Khusus dan Keutamaan	:	Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki kelayakan khusus dan keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki: i. Pengalaman kerja sebagai Ketua Projek (pengurusan projek) di sektor kerajaan/agensi badan berkanun/swasta terutamanya berkaitan <i>change/project management</i> sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun. ii. Pengalaman dalam sektor koperasi. iii. Keupayaan untuk memimpin, bermotivasi tinggi dan mampu menyelesaikan konflik. iv. Kemahiran analitik, penilaian risiko, merancang dan menyelesaikan masalah berkaitan pentadbiran dan pengurusan projek. v. Kemahiran komunikasi dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. vi. Mempunyai pengetahuan/pendedahan dan pengalaman dalam pelbagai jenis teknologi.
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak menentukan terma dan syarat-syarat perkhidmatan lain.

Fungsi Bidang Tugas	:	i. Bertanggungjawab dalam mencapai objektif, merancang dan melaksanakan pengurusan dan operasi Pejabat Pengurusan Transformasi (<i>Transformastion Management Office</i>) selaras dengan dasar yang ditetapkan. ii. Bertanggungjawab dalam memimpin, membimbing dan memastikan operasi Pejabat Pengurusan Transformasi memenuhi KPI yang ditetapkan. iii. Memantau, menyelaras dan melaporkan pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi. iv. Memantau dan mengawal selia pelaksanaan setiap program/aktiviti utama Pelan Transformasi Koperasi. v. Memantau, menilai dan memastikan keberkesanan penyampaian Pelan Transformasi Koperasi. vi. Mengurus saling bergantung antara pelbagai pihak berkepentingan. vii. Mencadang dan memperkenalkan langkah intervensi atau pendekatan baharu mengikut keperluan. viii. Merangka sistem pemantauan dan pelaporan serta melaksanakan pemantauan secara berkala ke atas perancangan dan prestasi utama. ix. Mengenalpasti dan menguruskan isu dan cabaran berkaitan pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi. x. Merangka dan menyediakan tanda aras aktiviti ekonomi bagi Pelan Transformasi Koperasi. xi. Berkeupayaan mengurus dan melaksanakan program yang dirancang dalam tempoh masa yang ditetapkan. xii. Bertanggungjawab ke atas urusan hal ehwal pengurusan, pentadbiran, kewangan dan akaun secara keseluruhannya. xiii. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
Tarikh Tutup Permohonan	:	14 November 2021
Cara Memohon	:	Sila kemukakan permohonan yang lengkap secara dalam talian melalui Sistem e-kerjaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Portal Rasmi www.skm.gov.my